



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (10)

SIARAN MEDIA

NAFEC 2025 PERKUKUH PEMERKASAAN AGROTEKNOLOGI KE ARAH SEKURITI MAKANAN NEGARA

PUTRAJAYA, 7 Mei 2025 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dengan kerjasama Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia (MSAE) telah menganjurkan Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian dan Makanan (NAFEC) 2025, yang berlangsung dari 6 hingga 7 Mei 2025 di Dewan Serbaguna Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Putrajaya.

Bertemakan “Agro Teknologi Pemacu Pengeluaran Makanan Negara”, konvensyen ini menghimpunkan lebih 180 pemain industri, penyelidik, pembuat dasar serta ahli akademik bagi membincangkan hala tuju teknologi dan inovasi dalam menjamin keterjaminan makanan negara yang mampan dan berdaya tahan. Program ini menjadi platform strategik untuk memperkukuh kolaborasi antara sektor awam, swasta dan institusi pengajian tinggi dalam memperkasa kejuruteraan pertanian dan makanan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa sektor agromakanan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara, dengan mencatatkan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 4.19% dan menyumbang 11.52% kepada keseluruhan KDNK negara pada tahun 2024.

Namun begitu, beliau menarik perhatian terhadap jurang ketara antara nilai import dan eksport agromakanan, yang masih mencatatkan defisit tinggi sebanyak RM39.4 bilion. Justeru, beliau menekankan keperluan segera untuk melaksanakan transformasi sektor pertanian dan agromakanan secara menyeluruh melalui adaptasi teknologi moden dan pintar seperti automasi, mekanisasi, Internet Benda (IoT), dan bioteknologi bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing.

YB Timbalan Menteri turut memaklumkan bahawa kerajaan komited untuk memperkukuh sekuriti makanan negara melalui pelaksanaan dasar-dasar strategik seperti Pelan Tindakan Sekuriti Makanan Negara 2021–2025 (DSMN), serta program-program utama di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Beliau berkata, hala tuju ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 dengan tumpuan kepada sektor pertanian berasaskan pertumbuhan tinggi dan nilai tinggi (*high growth, high value*), selaras dengan agenda ekonomi MADANI.

Dalam konteks subsektor akuakultur, beliau memuji kejayaan sektor ini yang mencapai kadar sara diri sebanyak 90% pada tahun 2024 hasil pelaksanaan program seperti *Quickwin*

Akuakultur dan Program Pembangunan Integrasi Akuakultur (PPIA), serta penggunaan sistem ternakan moden seperti *Recirculating Aquaculture System* (RAS), bioflok, IoT dan baka berkualiti tinggi.

Turut berlangsung semasa konvensyen ini ialah penyampaian **Anugerah MSAE 2025** sebagai pengiktirafan kepada individu-individu yang telah memberikan sumbangan signifikan dalam bidang kejuruteraan pertanian dan makanan. Senarai penerima anugerah adalah seperti berikut:

- **Anugerah Profesional Terbilang** : Dato' Syed Manshor Syed Mahmood (Adabi Consumer Industries Sdn. Bhd.)
- **Anugerah Kecemerlangan Inovasi Pertanian dan Makanan**: Profesor Dato' Dr. Aileen Tan Shau Hwai (Universiti Sains Malaysia)
- **Anugerah Inspirasi**: Dato' Azman Mahmud (Mantan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia) dan Profesor Madya Ir. Dr. Norhashila Hashim (Universiti Putra Malaysia)
- **Anugerah Kecemerlangan** : Dr. Zaida Zainal (Lembaga Minyak Sawit Malaysia), Tuan Kamarudin Dahuli (Mantan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda), dan Profesor Madya Ts. Dr. Noor Akhmazillah Mohd Fauzi (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia)

Selain itu, **Anugerah Tesis Terbaik MSAE 2024** turut disampaikan kepada pelajar dari **Universiti Putra Malaysia (UPM)**, **Universiti Malaysia Sabah (UMS)** dan **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)** atas pencapaian membanggakan dalam penyelidikan berkualiti tinggi dalam bidang sains, teknologi serta kejuruteraan pertanian dan makanan.

Sebagai nilai tambah kepada penganjuran NAFEC 2025, turut diadakan Pameran Poster Teknikal yang berfungsi sebagai medium perkongsian dapatan kajian dan aplikasi teknologi sejajar dengan perkembangan landskap agromakanan semasa. Pameran ini mengetengahkan 121 poster teknikal yang melibatkan penyertaan institusi pengajian tinggi dan institusi penyelidikan utama negara, merangkumi penyelidikan serta inovasi dalam bidang kejuruteraan lepas tuai dan makanan, mekanisasi dan automasi, pembangunan sistem informatik dan pemasaran pertanian, serta alam sekitar, air, tanah dan sumber asli.

Penganjuran NAFEC 2025 telah mengukuhkan lagi kolaborasi rentas sektor ke arah membentuk ekosistem pertanian dan makanan yang lebih inovatif, berdaya saing serta mampan. Secara keseluruhan, konvensyen ini bersama majlis anugerah telah menjadi platform strategik untuk perkongsian ilmu, wacana dasar dan pengiktirafan terhadap kecemerlangan dalam bidang kejuruteraan pertanian dan makanan. Usaha berterusan ini dijangka dapat memperkasa keterlibatan seluruh ekosistem agromakanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kit media:

<https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1nIHN15cuEj8FhtLpeiBmUvnQ0W6E8SK->

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my